

27/05/2002

Penguat kuasa perlu elak tafsiran bercanggah

TANDA tanya bersabit kes yang tidak diketahui keputusannya, sama ada membabitkan orang perseorangan atau badan bukan kerajaan, nampaknya lebih menjurus kepada kes berprofil tinggi. Didahului oleh kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Dr Rais Yatim, minggu lalu, reaksi pelbagai pihak umumnya berkisar kepada kes 'panas' semata-mata. Biarpun tiada salahnya tumpuan sedemikian, kes yang tidak membabitkan personaliti atau organisasi besar juga seharusnya tidak terlepas daripada teropong masyarakat. Sebarang perlakuan jenayah, tanpa mengira kecil atau besarnya, tetap mempunyai kesannya sendiri. Dan sewajarnya mereka yang bersalah dihadapkan ke muka pengadilan agar hukuman yang setimpal dengan kesalahan dapat dijatuhkan sebagai pengajaran.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan siasatan kes pecah amanah membabitkan individu atau organisasi tertentu disiasat tanpa mengira kedudukan mereka yang disyaki. Sama ada mereka itu rapat dengan kerajaan atau sebaliknya, kata Perdana Menteri, mereka yang didapati melakukan kesalahan tetap akan dihukum tanpa mengira kedudukan. Cuma, ketika ini wujud tanggapan kononnya mereka yang rapat dengan kerajaan akan terlepas daripada hukuman biarpun sudah banyak contoh yang menidakan andaian berkenaan. Sama ada ia menjadi satu 'trend' dalam siasatan pecah amanah di negara ini sejak kebelakangan ini atau tidak, ia terpulang kepada individu yang melihatnya daripada sudut berbeza-beza. Sambil sebahagian cenderung untuk memihak kepada penjelasan kerajaan, sebahagian yang lain pula akan terus mempertikaikannya.

Pokoknya, agensi penguat kuasa perlu melaksanakan tanggungjawab mereka tanpa rasa takut atau memihak kepada sesiapa. Apa juga persoalan di sebalik ada kes tertentu yang dilihat tidak berkesudahan di mahkamah - sama ada kerana tiada hebahan atau kurang bukti pendakwaan - hendaklah ditangani dengan sewajarnya. Masyarakat barangkali sudah biasa 'dilalihkan' dengan sidang akhbar polis mengenai kejayaannya menyelesaikan sesuatu kes berdasarkan tangkapan, serbuan atau rampasan semata-mata. Namun, pada pandangan umum, tindakan berkenaan bukanlah penghujung cerita selagi mereka yang terbabit belum didakwa serta dijatuhkan hukuman di mahkamah.

Selama manapun sesuatu kes itu disiasat, kesudahannya tetap perlu dimaklumkan untuk pengetahuan ramai. Percanggahan tafsiran berhubung penyelesaian sesuatu kes di antara yang digambarkan polis dan kefahaman ramai, perlu diperbetulkan. Tangkapan atau rampasan sebenarnya baru separuh daripada tugas yang perlu dilaksanakan. Separuh lagi membabitkan pengumpulan bukti dan keterangan sebelum laporan siasatan dipanjangkan kepada pejabat Peguam Negara. Masalahnya ialah apabila proses berkenaan mengambil masa terlalu lama, akan timbul pula tanggapan polis cuba mengelak individu tertentu daripada dikenakan tindakan undang-undang. Sebagai memburukkan keadaan, tiada langsung hebahan mengenainya dibuat hingga menyebabkan timbulnya kecurigaan.

Prosedur yang memerlukan pegawai penyiasat polis melaporkan hasil siasatan sesuatu kes kepada pengadu dalam tempoh sebulan, adalah langkah yang baik tetapi ia tidak wajar hanya terhenti setakat itu. Namun, kita harapkan polis atau sebarang agensi penguat kuasa lain tidak hanya ghairah mengadakan sidang akhbar bagi menghebahkan kejayaan sesuatu kes tetapi kesudahan sebenarnya disembunyikan daripada pengetahuan umum. Setiap sesuatu tangkapan, rampasan atau hasil serbuan diharapkan disusuli pendakwaan. Hanya dengan cara itu, kepercayaan dan keyakinan ramai

terhadap profesionalisme polis dan agensi penguat kuasa dapat terus dipertingkatkan.

(END)